

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SALIM SHARIF [JEMPOL]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini berhubung pembinaan rumah Generasi baharu FELDA di kawasan Jempol iaitu di Palong 8, 14, 15 dan 16 yang masih terbengkalai meskipun peruntukannya telah diluluskan sebelum ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang dilaksanakan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan ialah di FELDA Palong 8 sebanyak 300 unit, FELDA Palong 12 sebanyak 150 unit dan FELDA Palong 16 sebanyak 210 unit yang berstatus terbengkalai.
2. Walau bagaimanapun, kemajuan pembinaan tapak projek PGBF di Palong 8 telah mencapai 84% di mana ia termasuk di dalam senarai tapak yang akan disiapkan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM250 juta. Pada masa ini, penilaian sedang dilakukan bagi memastikan pelaksanaan semula pada November 2020 dapat diteruskan.
3. Bagi tapak projek PGBF di Palong 12 dan Palong 16, ia akan diteruskan semula selepas kedudukan kewangan FELDA kembali pulih. Sekian, terima kasih.